

Kekerapan Penggunaan Buku Teks dengan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah

(The Frequency of Using Textbooks With Teaching and Learning Strategies in Primary Schools in History Subjects)

Najwa Abdul Aziz^{1*}, Anuar Ahmad², Norasmah Othman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: najwaaziz30@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarmd@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: lin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Najwa Abdul Aziz
(najwaaziz30@gmail.com)

KATA KUNCI:

Mata Pelajaran Sejarah
Buku Teks
Strategi Pengajaran

KEYWORDS:

History Subjects
Textbooks
Teaching Strategies

CITATION:

Najwa Abdul Aziz, Anuar Ahmad, & Norasmah Othman. (2024). Kekerapan Penggunaan Buku Teks dengan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002677. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2677>

ABSTRAK

Mata pelajaran Sejarah adalah penting dalam memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran yang diwajibkan untuk lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Namun begitu, masih terdapat murid-murid yang beranggapan bahawa mata pelajaran Sejarah adalah membosankan kerana penuh dengan muntahan fakta semata-mata. Guru-guru memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan strategi pengajaran bertujuan untuk merangsang minat murid-murid mempelajari mata pelajaran Sejarah. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk : a) mengenal pasti kekerapan penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah ; b) mengenal pasti strategi pengajaran guru-guru sejarah sekolah rendah dalam mata pelajaran sejarah; dan c) mengenal pasti pandangan guru-guru sejarah berkaitan dengan isi kandungan buku teks sejarah sekolah rendah. Peserta kajian ini melibatkan 10 orang guru Sejarah di negeri Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa buku teks merupakan sumber rujukan pertama kepada guru-guru dan murid-murid. Guru-guru sangat memainkan peranan penting dalam menarik minat murid-murid mempelajari dan memahami sesuatu peristiwa Sejarah dengan lebih terperinci. Dapatan kajian ini diharap mampu untuk membantu guru-guru Sejarah untuk menyedari kepentingan mempelbagaikan strategi pengajaran dalam mata pelajaran Sejarah.

ABSTRACT

The subject of History is important in fostering the spirit of nationalism among the people in Malaysia. Therefore, the

Malaysian Ministry of Education has set the subject of History as one of the compulsory subjects to pass at the Malaysian Certificate of Education level. However, there are still students who think that the History subject is boring because it is full of facts. Teachers play an important role in diversifying teaching strategies aimed at stimulating students' interest in studying History. In relation to that, the objective of this study is to: a) identify the frequency of textbook use in the teaching and learning of history subjects; b) identify the teaching strategies of primary school history teachers in history subjects; and c) identify the views of history teachers in relation to the content of primary school history textbooks. The participants of this study involved 10 History teachers in the state of Selangor. The findings of the study show that textbooks are the first source of reference for teachers and students. Teachers play a very important role in getting students interested in learning and understanding a historical event in more detail. The findings of this study are expected to help History teachers to realize the importance of diversifying teaching strategies in History subjects.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan kajian ini adalah melihat bahawa buku teks Sejarah merupakan sumber rujukan utama sewaktu proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan.

1. Pengenalan

Pendidikan Sejarah merupakan bidang terpenting dalam dunia pendidikan (Siregar & Alwina, 2023). Tujuan bidang ini diwujudkan adalah untuk memperkenalkan masyarakat tentang sejarah sesebuah bangsa, masyarakat serta peristiwa sejarah yang telah berlaku pada masa lampau (Hasan, 2012). Bidang ini juga diwujudkan bertujuan untuk menanam semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda yang sering beranggapan bahawa sejarah ini bersifat 'kaku' dan sudah tidak relevan untuk dipelajari pada masa ini (Zakaria et al., 2021). Pendidikan Sejarah seringkali dikaitkan dengan buku teks kerana sifatnya yang harus mengingat tarikh, tempat, masa dan peristiwa sejarah. Buku teks merupakan sumber pembacaan utama yang tidak boleh dimansuhkan begitu sahaja. Hal ini disebabkan, buku teks mengandungi pelbagai maklumat sejarah yang tepat dan padat (Lau et al., 2020). Buku teks sememangnya berada pada tahap yang tertinggi dalam pendidikan kerana mampu memudahkan tugas guru dalam menyampaikan suatu peristiwa Sejarah dengan lebih berkesan (Hasan et al., 2020).

Peralihan kurikulum dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) juga turut memberi perubahan kepada isi kandungan buku teks sejarah. Selain daripada penggunaan buku teks, guru-guru dilatih untuk memantapkan proses pengajaran melalui sistem kurikulum baharu. Guru-guru sebagai pemudahcara dan buku teks sejarah sebagai platform rujukan pertama dan utama dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Ali et al., 2019). Para guru diberi kebebasan untuk melaksanakan kreativiti untuk menyampaikan ilmu untuk menarik minat murid mempelajari Sejarah. Buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membolehkan murid berfikir secara kritikal dan kritis serta mengembangkan idea baharu (Kaviza, 2020a). Walaupun buku teks dianggap kurang

relevan untuk digunakan, terdapat kebaikan, kepentingan serta kepelbagaian kaedah pengajaran mata pelajaran sejarah yang boleh dilaksanakan oleh para guru sejarah bagi menarik minat dan meningkatkan tahap kefahaman murid. Guru memainkan peranan yang penting sebagai pemudahcaraan dan penyebar ilmu yang berkesan (Abdullah & Darusalam, 2018).

Tidak dinafikan bahawa buku teks sememangnya memberi manfaat kepada para guru dan murid kerana ianya berfungsi sebagai rujukan di sekolah ataupun di rumah masing-masing (Ramachindran & Awang, 2023). Kini, buku teks sudah boleh dibaca dan diakses oleh sesiapa sahaja yang memerlukan kerana kebanyakannya buku teks sudah mempunyai QR code untuk kemudahan mengakses buku teks. Dalam masa yang sama, guru-guru Sejarah menggunakan buku teks sebagai sumber rujukan paling utama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkaitan sesuatu peristiwa Sejarah (Zakaria & Janan, 2022). Buku teks Sejarah yang mempunyai ilustrasi yang menarik, isi kandungan buku teks secara tersusun serta mempunyai maklumat yang padat mampu membantu murid-murid untuk meningkatkan tahap kefahaman (M. Fernando, 2017). Sjahrony et al. (2017) menyatakan bahawa kandungan buku teks yang berkualiti tinggi yang disusun secara sistematik boleh membantu murid untuk memahami sesuatu peristiwa Sejarah dengan baik.

Selain daripada buku teks, terdapat pelbagai cara pengajaran dan pembelajaran yang boleh dipraktikkan oleh guru Sejarah iaitu lawatan ke muzium. Aktiviti lawatan ke muzium membolehkan murid-murid melihat dan menyentuh koleksi artifak Sejarah dan turut serta dalam aktiviti yang dilaksanakan, proses pembelajaran ini membolehkan murid untuk mendapat kefahaman yang berkekalan (Abdul Talib et al., 2019). ITRACK adalah kaedah pembelajaran yang memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Kaedah ini merupakan kaedah yang interaktif berdasarkan sebuah permainan yang dikenali sebagai *Snake and Ladder*. Permainan ini membantu murid untuk menyusun fakta sejarah secara berkronologi dan permainan ini terbukti mampu meningkatkan tahap kefahaman murid tentang fakta Sejarah (Hasan et al., 2020). Pembelajaran berasaskan permainan digital dan teknologi dalam kaedah pengajaran sejarah telah terbukti berkesan dan mampu menarik perhatian murid-murid untuk mempelajari sejarah (Hosseini et al., 2019).

Sejarah merupakan bidang yang tidak menarik, membosankan dan sukar untuk difahami. Murid-murid berpendapat bahawa mata pelajaran Sejarah merupakan bidang yang sukar dan hanya bergantung dengan fakta semata-mata. Masalah ini berlanjutan apabila guru-guru sejarah masih menggunakan buku teks sejarah secara berterusan ditambah lagi dengan isi kandungan buku teks yang sering berubah-ubah (Sagala et al., 2022). Pada masa ini, pembelajaran berpusatkan guru tidak lagi sesuai untuk digunakan kerana akan menyebabkan murid-murid kurang aktif dan bersifat pasif. Kreativiti guru diperlukan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya murid-murid boleh melibatkan diri sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (Abdul Talib et al., 2019).

1.1. Permasalahan Kajian

Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran teras dan wajib lulus di dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Namun begitu, mata pelajaran Sejarah tidak popular dalam kalangan anak muda kerana ia adalah 'kaku', membosankan dan penuh dengan fakta (Abdul Talib et al., 2019). Kepincangan dalam menguasai mata pelajaran ini adalah disebabkan gaya penyampaian yang kurang berkesan. Guru-guru Sejarah lebih gemar

melaksanakan kaedah pengajaran berdasarkan buku teks dan syarahan. Hal ini kerana, aktiviti pengajaran selain daripada buku teks dianggap sukar dan memakan masa (Kaviza et al., 2018). Dalam keadaan ini, guru-guru berperanan penting dalam mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid (Kaviza, 2020b). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kreativiti guru adalah sangat penting untuk memberi kesedaran kepada murid-murid bahawa mata pelajaran Sejarah adalah penting untuk membina jati diri sebagai warganegara Malaysia dan bukan sekadar untuk lulus peperiksaan (Makhshun & Khalilurrahman, 2018).

Mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai bidang yang tidak berkepentingan dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana, bidang ini hanya mengkaji Sejarah masa lalu tanpa melihat masa hadapan (Ratmelia, 2018). Jadi, guru-guru memainkan peranan penting dalam mendidik murid-murid tentang kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah. Untuk mencapai matlamat ini, guru-guru sejarah mestilah mempelbagaikan kaedah, strategi, model pembelajaran dan penggunaan media pembelajaran yang mengikuti kemajuan teknologi semasa. Melalui kepelbagaian strategi pengajaran ini mampu untuk mengubah suasana pembelajaran yang dahulunya dianggap sebagai membosankan kepada proses pembelajaran yang bermakna dan menggembirakan murid-murid (Rahmawati & Rahmah, 2023). Tidak dinafikan bahawa untuk mencapai perubahan kepada pembelajaran ini tidaklah mudah tetapi dengan adanya guru yang mempunyai kemahiran pedagogi, motivasi serta usaha guru-guru, tidak ada yang mustahil untuk mencapai matlamat tersebut.

Guru-guru seharusnya mengambil peranan penting dalam memastikan objektif pembelajaran tercapai (Abdullah & Darussalam, 2018). Proses pengajaran mata pelajaran Sejarah mestilah diubah, beralih daripada budaya menghafal kepada kaedah pengajaran yang memberi manfaat kepada murid. Hal ini bermaksud, murid-murid tidak hanya lulus peperiksaan tetapi sekaligus mampu untuk mengukuhkan jati diri sebagai warganegara Malaysia serta mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Kajian berkaitan dengan strategi pengajaran dalam mata pelajaran sejarah harus diperbanyakkan untuk menjadi rujukan kepada guru-guru mata pelajaran sejarah.

Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah guru Sejarah masih menggunakan buku teks Sejarah sebagai bahan rujukan paling utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Pengkaji ingin mengenal pasti kreativiti, kekerapan penggunaan buku teks sejarah dan persepsi guru Sejarah terhadap buku teks. Oleh itu, tiga objektif telah digubal untuk kajian ini.

- i. Mengetahui kekerapan penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah.
- ii. Mengetahui strategi pengajaran guru-guru sejarah sekolah rendah dalam mata pelajaran sejarah.
- iii. Mengetahui pandangan guru-guru sejarah berkaitan dengan isi kandungan buku teks sejarah sekolah rendah.

2. Sorotan Literatur

Maklumat yang terkandung di dalam buku teks Sejarah penting sebagai sumber bahan rujukan yang utama dalam proses pengajaran Sejarah (Lau et al., 2020). Kenyataan ini disokong oleh kajian Ramachindran dan Awang (2023) yang mendapati buku teks adalah sumber rujukan terpenting untuk meningkatkan dan mempercepatkan proses

pengajaran. Buku teks dijadikan sebagai sumber rujukan yang utama apabila guru-guru tidak mempunyai kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut [Alvadina et al., \(2022\)](#), buku teks tidak dapat dipisahkan sepanjang proses pengajaran kerana fakta-fakta di dalam buku teks akan disampaikan oleh guru dan ditambah dengan rujukan-rujukan yang relevan untuk memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Buku teks boleh membantu pelajar untuk mencari jalan penyelesaian bagi setiap permasalahan yang berlaku. Mata pelajaran Sejarah diyakini berpotensi untuk membentuk jati diri dan sahsiah pelajar. Buku teks juga mampu untuk mengubah minat, tingkah laku dan emosi pelajar ke arah yang lebih positif ([Prawitasari et al., 2022](#)). Buku teks sejarah mampu untuk menjawab setiap permasalahan dan cabaran yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Buku teks fizikal adalah suatu kewajiban untuk meningkatkan kualiti diri masyarakat dan peranannya tidak boleh diganti ([Sakti & Hotimah, 2023](#)). Buku teks juga merupakan platform pembelajaran dan pengetahuan kepada para pelajar. Bukan itu sahaja, buku teks sejarah mampu memberi tahap kefahaman kepada pelajar berkaitan dengan sesuatu konsep ilmu ([Susanto et al., 2022](#)). Oleh itu, buku teks adalah sumber utama pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar dan guru di Malaysia.

Strategi pengajaran yang menarik dan berkesan dalam mata pelajaran Sejarah dapat membantu murid-murid untuk memperolehi pemahaman dan penghayatan Sejarah yang lebih mendalam. Selain menggunakan buku teks, guru Sejarah juga mempelbagaikan kreativiti pengajaran bagi merangsang minat murid untuk memahaminya. Dengan menggunakan media dalam pengajaran dan pembelajaran, suasana pembelajaran akan menjadi menarik dan tidak bersifat sehalu ([Talib et al., 2019](#)). Untuk mencapai strategi pengajaran ini, guru pelatih yang layak untuk opsyen pendidikan sejarah seharusnya diberikan pendedahan amali berkaitan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dengan berkesan untuk meningkatkan tahap kefahaman dan penghayatan pelajar tentang sejarah ([Lee & Hassan, 2023](#)). Kaedah pengajaran adalah penting untuk meningkatkan tahap minat pelajar serta menyumbang kepada peningkatan tahap pencapaian mereka ([Kiamsin & Talin, 2018](#)).

E-modul merupakan platform pembelajaran yang lebih efektif kerana isi kandungannya yang disusun secara sistematik dan menjadikan para pelajar menjadi lebih interaktif dengan menggunakan aplikasi tersebut ([Chairunisa & Zamhari, 2022](#)). Teknik mnemonik membantu seseorang untuk mengingat. Dalam erti kata lain, kaedah ini mampu murid-murid untuk merekod dan mendapatkan maklumat penting. Teknik ini sering dikaitkan dengan penggunaan imej, frasa sinonim dan perkataan ([Khairuddin et al., 2023](#)). Penggunaan pedagogi berpusatkan pelajar adalah salah satu cara untuk menarik perhatian murid untuk mempelajari sejarah ([Kaviza et al., 2018](#)). Strategi pembelajaran dalam dan di luar bilik darjah adalah penting. Aktiviti permainan dan simulasi boleh membantu dalam menyelesaikan beberapa masalah dalam pembelajaran dan masalah yang berkaitan dengan kehidupan seharian ([Haniffa et al., 2019](#)).

Terdapat desas desus yang menyatakan bahawa buku teks terkini sejarah tidak lengkap dan kekurangan fakta sejarah ([Nugraha, 2021](#)). Buku teks sejarah yang terkini hendaklah digubal mengikut tahap kognitif pelajar. Tujuannya adalah untuk membantu para pelajar memahami sesuatu peristiwa sejarah secara terperinci ([Hasan et al., 2020](#)). Apabila para pelajar sukar untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah, mereka akan terus beranggapan bahawa bidang sejarah adalah bidang yang membosankan dan selayaknya

untuk dimansuhkan di peringkat pendidikan. Tahap kesedaran golongan muda terhadap sejarah dan nilai patriotisme adalah di peringkat yang paling rendah (Basir et al., 2020). Hal ini disebabkan oleh penggunaan pelbagai media sosial yang telah didedahkan kepada golongan muda. Pendedahan awal media sosial kepada generasi ini telah mempengaruhi cara mereka berfikir dan kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan belia (Hamid et al., 2020).

Kekurangan guru bukan opsyen sejarah telah menyumbang kepada masalah dalam pendidikan sejarah. Hal ini disebabkan, guru-guru yang bukan opsyen Sejarah tidak menguasai tahap kefahaman yang mendalam tentang sejarah. Akibatnya, guru-guru berasa terbeban setiap kali hendak mengajar dan mendorong kepada kegagalan mencapai objektif pengajaran. Kajian mendapati bahawa guru bukan opsyen lebih cenderung menggunakan buku teks semata-mata sepanjang proses pengajaran (Maarof al., 2020). Sikap guru sejarah yang tidak berusaha untuk menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan PAK-21 berada di tahap yang membimbangkan. Guru lebih gemar menggunakan kaedah tradisional iaitu membaca buku teks, menggaris fakta sejarah, mengingat dan menghafal kandungan buku teks (Rohza & Montessori, 2022). Guru-guru turut mempunyai kekangan dalam menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) disebabkan beban tugas guru yang semakin mencabar. Tambahan lagi, guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelajar-pelajar yang lebih terdedah dengan teknologi dan menguasai maklumat dengan lebih meluas. Justera, para pelajar akan sering bertanya dan membandingkan maklumat yang mereka perolehi dan maklumat yang telah disampaikan oleh para guru sejarah (Zainal et al., 2020).

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan melalui reka bentuk kualitatif yang menggunakan temu bual. Kaedah persempelan yang digunakan merupakan kaedah persempelan bertujuan. Temu bual yang dijalankan adalah menggunakan soalan-soalan yang telah dibangunkan oleh pengkaji sebagai panduan sepanjang proses pengumpulan data kualitatif daripada peserta kajian. Temu bual mendalam merupakan instrumen yang sangat penting kerana melalui kaedah ini, pengkaji akan memperolehi maklumat yang meluas dan padat berkaitan sesuatu topik tertentu (Jasmi, 2012). Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka. Sebelum proses temu bual dijalankan, setiap peserta kajian telah diberikan taklimat ringkas berkaitan dengan tujuan temu bual dijalankan serta soalan-soalan yang akan ditanyakan kepada peserta kajian. Setelah para peserta memahami dan mempersetujui prosedur tersebut, pengkaji akan mendapatkan keizinan daripada peserta kajian dan berjanji bahawa maklumat yang diberikan adalah rahsia, sulit dan tidak akan didedahkan tanpa persetujuan peserta kajian dan tidak akan digunakan untuk kegunaan peribadi.

Bilangan peserta kajian yang ditemu bual adalah seramai 10 orang sehingga maklumat menjadi "tepu" iaitu temu bual seterusnya sudah tidak memberikan maklumat yang baharu dan berkaitan (Mason, 2010). Peserta kajian ini berumur 24 sehingga 44 tahun. Peserta kajian juga dipilih berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu guru Sejarah, mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya dua tahun dan guru yang bersedia fizikal dan mental untuk berkongsi maklumat. Lokasi dijalankan di tujuh buah sekolah rendah di negeri Selangor. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana mempunyai latar belakang yang berbeza dan membolehkan pengkaji untuk melihat kepelbagaian strategi pengajaran guru mata pelajaran Sejarah. Pengkaji juga turut mengambil kira faktor geografi. Pemilihan lokasi dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang telah

ditetapkan untuk memastikan objektif kajian tercapai. Antara kriteria yang diperlukan adalah Sekolah Rendah Kebangsaan dan berada di negeri Selangor.

Soalan-soalan temu bual telah dibina melalui kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kepelbagaian strategi pengajaran mata pelajaran sejarah. Dua orang pakar dalam bidang ini dilantik untuk mengesahkan kandungan soalan yang telah digubal berpandukan kepada objektif kajian untuk mengukuhkan dapatan kajian. Kedua-dua pakar ini juga telah bersetuju untuk memberi maklum balas berkaitan soalan-soalan yang dinyatakan dalam temu bual. Sesi temu bual dijalankan secara atas talian melalui platform aplikasi panggilan video Whatsapp, Google Meet dan Telegram. Setiap satu sesi temu bual mengambil masa 30 minit sehingga 1 jam bagi setiap peserta kajian mengikut keselesaan peserta kajian. Sebanyak 21 kali sesi pertemuan yang telah dilakukan terhadap 10 orang peserta kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kekerapan penggunaan buku teks, strategi pengajaran mata pelajaran Sejarah serta pandangan guru-guru sejarah berkaitan dengan isi kandungan buku teks yang terkini. Untuk proses analisis data kualitatif, kaedah analisis kandungan semantik digunakan bertujuan untuk mendapatkan makna kontekstual berdasarkan perbualan temu bual yang telah direkodkan. Maklumat yang diperolehi seterusnya diklasifikasikan mengikut tema.

4. Dapatan Kajian

Dapatan ini mengemukakan jawapan yang telah direkodkan berdasarkan soalan-soalan yang telah diajukan kepada Peserta Kajian (PK).

4.1. Kekerapan Penggunaan Buku Teks Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 1 menunjukkan bahawa 10 orang peserta kajian telah menunjukkan bahawa kesemua guru-guru Sejarah ini menjadikan buku teks Sejarah sebagai sumber rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah berlangsung.

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Buku Teks dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah

Peserta Kajian (PK)	Penggunaan Buku Teks dalam PdP	Nota Ringkas Dipetik daripada Buku Teks	Latihan Kendiri Merujuk Kepada Buku Teks
PK 1	✓	✓	✓
PK 2	✓	✓	✓
PK 3	✓	✓	✓
PK 4	✓	✓	✓
PK 5	✓	✓	✓
PK 6	✓	✓	✓
PK 7	✓	✓	✓
PK 8	✓	✓	✓
PK 9	✓	✓	✓
PK 10	✓	✓	✓

Menurut PK2, penggunaan buku teks bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kesalahfahaman dalam menerima fakta Sejarah. Menurut PK4 dan PK10, buku teks Sejarah mencatat maklumat yang terperinci dan boleh membantu mereka dalam memahami sesuatu peristiwa Sejarah dengan lebih baik. Sebelum memulakan pengajaran di dalam bilik darjah, PK5 menyatakan bahawa beliau akan merujuk buku teks.

Berdasarkan dapatan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa semua guru-guru Sejarah menjadikan buku teks sebagai bahan rujukan. Buku teks memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada objektif pendidikan tercapai atau sebaliknya. Oleh itu, untuk mencapai objektif tersebut, buku teks mestilah menyediakan maklumat yang berkualiti tinggi. Sekiranya berlaku yang sebaliknya, maka buku teks telah gagal untuk meningkatkan tahap kefahaman murid-murid (Mohd et al., 2016). Penggunaan buku teks telah memberi manfaat kepada para murid sepanjang mempelajari sejarah serta memahami sesuatu peristiwa dengan permulaan dan perkembangan masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik di Malaysia. Buku teks Sejarah juga mampu memupuk nilai-nilai positif serta membentuk jati diri murid-murid sekaligus menggalakkan mereka berfikir secara kreatif dan kritis (Budiono & Awaludin, 2017).

Dapatan kajian selaras dengan kajian Ramachindran dan Awang (2023) yang mendapati proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, guru-guru kebiasaannya akan menggunakan buku teks sebagai rujukan. Talib et al. (2023) mendapati sebaliknya, penggunaan buku teks yang kerap menyebabkan pelajar bosan dan tidak berminat untuk mempelajari Sejarah. Israil dan Ahmad (2023) menyatakan bahawa buku teks merupakan bahan yang nyata dan penting untuk digunakan oleh guru-guru dalam menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Ringkasnya, guru-guru akan merujuk buku teks terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat kepada murid-murid. Hal ini dilaksanakan adalah untuk memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat serta selari dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

4.2. Strategi Pengajaran Guru-Guru Sejarah Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian yang menunjukkan guru-guru Sejarah dalam mempelbagaikan strategi pengajaran mata pelajaran Sejarah selain daripada buku teks. PK3 dan PK7 menggunakan kaedah penceritaan dalam proses pengajaran. Manakala PK2 dan PK8 menggunakan kaedah pengajaran yang berpandukan PAK-21 iaitu *Google Classroom*, *Quizizz*, *Kahoot*, *Gallery Walk*, *Stay and Stray* dan *Hot Seat*. PK10 mula menggunakan buku rujukan, nota ringkas dan Latihan dalam Kumpulan (LDK). PK4, PK7 dan PK5 menggunakan slaid powerpoint dan tayangan video ringkas (*Youtube*) sebagai BBM mereka.

Berdasarkan pernyataan peserta dalam Jadual 2 menunjukkan kesemua guru-guru Sejarah mempunyai usaha masing-masing untuk mempelbagaikan strategi pengajaran untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai. Guru-guru Sejarah melaksanakan strategi pengajaran yang pelbagai adalah untuk menyampaikan sebuah peristiwa Sejarah sebagai kaedah sekunder selepas buku teks. Diakui bahawa guru-guru menjadikan buku teks Sejarah sebagai bahan rujukan utama, strategi pengajaran mereka telah dipelbagaikan selaras dengan kemajuan teknologi negara. Kepelbagaian strategi pengajaran bergantung dengan tahap kreativiti guru-guru sekaligus bertujuan untuk menarik minat murid-murid untuk mempelajari Sejarah (Salleh & Agus, 2011).

Strategi pengajaran yang pelbagai mampu untuk mencapai objektif proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan (Raihanah, 2022). Namun begitu, kajian yang dilaksanakan Pramayogi et al. (2019) menyatakan bahawa proses kaedah pengajaran Sejarah hanya sesuai dengan menggunakan ceramah dan Syarahan.

Jadual 2 : Strategi Pengajaran Guru -Guru dalam Mata Pelajaran Sejarah

Peserta Kajian (PK)	Buku Rujukan	Nota Ringkas	Penceritaan	Didik Hibur	Latihan Dalam Kumpulan (LDK)	Slaid Powerpoint	Google Classroom	Quizizz	Kahoot	Youtube	Gallery Walk	Stay & Stray	Hot Seat
PK1					✓			✓					
PK2							✓	✓	✓				
PK3			✓										
PK4	✓									✓			
PK5						✓				✓			
PK6				✓									
PK7			✓			✓				✓			
PK8											✓	✓	✓
PK9			✓										
PK10	✓	✓			✓								

Strategi pengajaran yang pelbagai menggalakkan guru-guru untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam proses pengajaran sekaligus mampu untuk memberi tahap kefahaman yang berkesan kepada murid-murid (Parwati & Pramarta, 2021). Jadi, strategi pengajaran adalah penting sepanjang proses PdP untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai.

4.3. Pandangan Guru-Guru Berkaitan Isi Kandungan Buku Teks Sejarah

Bagi menjawab objektif ini, pengkaji membahagikan kepada tiga jawapan utama iaitu isi kandungan buku teks Sejarah sesuai dengan tahap murid, buku teks menyediakan fakta yang ringkas dan isi kandungan buku teks Sejarah mempunyai silibus yang padat dan membosankan.

4.3.1. Isi kandungan buku teks Sejarah sesuai dengan tahap murid

Isi kandungan buku teks terkini adalah bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar dan terdapat segelintir guru sejarah pula yang mengatakan sebaliknya (Hasan et al., 2020). PK1, PK4, PK6 dan PK9 berpendapat bahawa isi kandungan buku teks Sejarah yang terkini adalah bersesuaian dengan tahap murid.

PK 1 : Buku teks Sejarah bagi saya sesuailah dengan murid.

PK 4 : Silibus buku teks Sejarah memang sudah memadai tetapi perlu diubah menjadi lebih baik agar buku teks boleh dipakai sepenuhnya oleh pelajar.

PK 6 : Buku teks Sejarah kini adalah sangat praktikal.

PK 9 : Buku teks Sejarah terkini adalah standard dan silibus yang ada mengikut tahap kefahaman murid.

Dapatan kajian menyokong penemuan yang terdahulu oleh Susanto et al. (2022) dan Prawitasari et al. (2022) yang menyatakan bahawa buku teks Sejarah adalah sesuai untuk pembacaan murid-murid kerana bukan sahaja menyediakan fakta Sejarah tetapi turut menyelitkan nilai-nilai murni di dalamnya.

4.3.2. Buku teks Sejarah menyediakan fakta yang ringkas.

Isi kandungan buku teks yang terlalu tinggi dan ringkas ini kadangkala menjadi kerisauan kepada para guru sejarah kerana mereka mengakui bahawa mereka tidak mampu untuk menjawab pertanyaan murid-murid. Hal ini disebabkan, maklumat di dalam buku teks adalah sangat ringkas dan memaksa mereka untuk mencari jawapan yang bersesuaian dalam tempoh masa yang singkat (Agustien et al., 2018). Guru-guru berharap supaya buku teks sejarah terkini boleh dikemaskini dan disemak semula untuk memasukkan maklumat tambahan supaya mereka mampu untuk memberikan maklumat yang tepat kepada murid-murid (Sjahrony et al., 2017). PK3, PK7 dan PK8 berpendapat bahawa fakta di dalam buku teks Sejarah adalah sangat ringkas.

PK 3 : Bagi saya, ianya sangat ringkas dan kadangkala saya terpaksa merujuk sumber-sumber lain untuk melengkapkan sendiri maklumat yang sedia ada.

PK 7 : Maklumat di dalam buku teks Sejarah adalah sangat kurang.

PK 8 : Buku teks Sejarah terkini adalah kurang berkaitan dengan fakta yang sebenar.

Dapatan kajian ini menunjukkan mempunyai persamaan dengan kajian yang dilaksanakan oleh [Nasir et al., \(2019\)](#) iaitu maklumat yang disediakan adalah sangat ringkas. Namun begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian [Muthar et al. \(2020\)](#) iaitu buku teks Sejarah sudah menyediakan maklumat yang lengkap sehingga murid-murid mampu untuk mengambil iktibar daripada setiap peristiwa Sejarah yang terdapat di dalamnya.

4.3.3. Isi kandungan buku teks Sejarah mempunyai silibus yang padat dan membosankan.

Buku teks Sejarah menyediakan maklumat yang penting tetapi murid-murid tidak suka untuk membacanya ([Handy, 2023](#)). Berikut merupakan jawapan yang telah diberikan oleh PK2, PK5 dan PK10 :

PK 2 : Sebagai guru Sejarah, apabila saya buka buku teks Sejarah, saya bosan.

PK 5 : Buku teks Sejarah mempunyai aras yang tinggi.

PK 10 : Dipenuhi dengan kepadatan fakta Sejarah dan mempunyai banyak topik.

Dapatan kajian selaras dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh [Lui dan Ahmad \(2021\)](#) serta [Rosita dan Supriatna \(2020\)](#) iaitu kekerapan menggunakan buku teks sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran akan menyebabkan murid-murid cepat bosan.

Secara keseluruhan, keputusan temu bual menunjukkan bahawa guru-guru Sejarah mempunyai pendapat yang berbeza berkaitan isi kandungan buku teks Sejarah yang diterbitkan pada masa ini. Tidak dinafikan bahawa buku teks adalah bahan yang penting untuk guru dan pelajar, baik di sekolah mahupun di rumah. Guru Sejarah turut memainkan peranan yang penting untuk mempelbagaikan strategi pengajaran untuk membantu murid-murid dalam memahami sesuatu peristiwa Sejarah ([Sedana Putra & Semara Putra, 2021](#)).

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah mencapai ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Didapati bahawa guru-guru Sejarah menggunakan buku teks Sejarah sebagai bahan rujukan paling utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi memenuhi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Selain daripada buku teks, guru juga turut mempelbagaikan strategi pengajaran Sejarah sekaligus untuk membantu murid-murid lebih memahami setiap peristiwa Sejarah di samping mencapai

objektif pembelajaran pada hari tersebut. Guru-guru mempunyai pelbagai pendapat berkaitan dengan isi kandungan buku teks Sejarah. Segelintir guru-guru Sejarah menyatakan bahawa buku teks Sejarah sesuai untuk kegunaan pelajar. Walaubagaimanapun, sesetengah guru menyatakan bahawa buku teks tidak memberikan fakta Sejarah yang lengkap dan tidak sesuai tahap kognitif murid mereka. Ringkasnya, buku teks sememangnya merupakan rujukan utama sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Buku teks Sejarah adalah wajib dimiliki oleh guru dan murid. Pelbagai strategi pengajaran yang dijalankan oleh guru mampu mempengaruhi persepsi dan pemahaman murid terhadap sesuatu peristiwa Sejarah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Pengkaji menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat sepanjang kajian dan proses penerbitan makalah ini dijalankan.

Kewangan (*Funding*)

Penulis tidak menerima pembiayaan khusus sepanjang kajian dan penerbitan ini dijalankan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak.

Rujukan

- Abdul Talib, N. S., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2019). Kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *Insaniah: Online Journal Of Language, Communication, And Humanities*, 2(1), 45–57. [Http://Discol.Umk.Edu.My/Id/Eprint/7570/](http://Discol.Umk.Edu.My/Id/Eprint/7570/)
- Abdullah, N. H. H., & Darusalam, G. (2018). Kesiediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22–31. [Http://Borneojournal.Um.Edu.My/Index.Php/Juku/Article/View/14033](http://Borneojournal.Um.Edu.My/Index.Php/Juku/Article/View/14033)
- Agustien, R., Umamah, N., & Sumarno, S. (2018). Pengembangan media pembelajaran video animasi dua dimensi situs Pekauman di Bondowoso dengan model ADDIE mata pelajaran Sejarah kelas X IPS. *Jurnal edukasi*, 5(1), 19-23. <https://jurnal.unej.ac.id/index.php/JEUJ/article/download/8010/5647>
- Ali, A. J., Abdullah, A. G. K., & Mohamed, I. B. (2019). Amalan pengupayaan dan autonomi guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Jupidi: Jurnal Kepimpinan*

- Pendidikan*, 6(1), 49–58.
<https://ljps.um.edu.my/index.php/jupidi/article/view/15855>
- Alvadina, P. Y., Montessori, M., & Ananda, A. (2022). Pemanfaatan buku teks Sejarah sebagai sumber belajar. *Ranah Research: Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 4(3), 242-245.
- Basir, S. N. M., Abu Bakar, M. Z., Ismail, F., & Hassan, J. (2020). Students perception on the offer of ethnic relations subject in improving patriotism understanding. *International Journal Of Academic Research In Progressive Education And Development*, 9(2). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v9-i2/7294>
- Budiono, H., & Awaludin, A. F. (2017). Perkembangan historiografi buku teks Sejarah di Indonesia masa orde baru hingga reformasi. *Efektor*, 4(2), 36-43. <https://ojs.unpkediri.ac.id/index.php/efektor-e/article/download/969/660>
- Chairunisa, E. D., & Zamhari, A. (2022). Pengembangan e-modul strategi pembelajaran Sejarah dalam upaya peningkatan literasi digital mahasiswa. *Criksetra: Jurnal Pendidikan Sejarah*, 11(1), 84–96. <https://doi.org/10.36706/jc.v11i1.16047>
- Hamid, G., Awang, M. M., & Alias, J. (2020). Impak pembelajaran Sejarah di sekolah terhadap amalan nilai patriotisme. *Educational Development & Innovative Technological Applications For Improving Societal Wellbeing*, 302. https://www.academia.edu/download/65117906/ITECH_2020.pdf#page=310
- Handy, N. M. R. (2023). *Pendidikan Sejarah dan isu kebangsaan*. (Program Majister Pendidikan IPS Unlam Banjarmasin). <http://eprints.ulm.ac.id/8584/1/14.%20Pendidikan%20Sejarah%20dan%20Isu%20Kebangsaan.pdf>
- Haniffa, M. A., Rathakrishnan, M., Omar, S., & Ismail, N. H. (2019). Problem-based learning in the teaching and learning of the Malaysian nationhood course at universiti utara Malaysia. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4(32), 351–366. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320030>
- Hasan, N. H., Sapar, A. A., & Siraj, S. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks bahasa melayu kurikulum standard sekolah rendah tahap dua: data anekdot. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1–12. <http://mojem.um.edu.my/index.php/juku/article/view/23065>
- Hasan, S. H. (2012). Pendidikan Sejarah untuk memperkuat pendidikan karakter. *Paramita: Historical Studies Journal*, 22(1). <https://doi.org/10.15294/paramita.v22i1.1875>
- Hosseini, H., Hartt, M., & Mostafapour, M. (2019). Learning is child's play. *Acm Transactions On Computing Education*, 19(3), 1–18. <https://doi.org/10.1145/3282844>
- Israil, A. A., & Ahmad, A. (2023). Kesiediaan murid terhadap penggunaan peranti mudah alih dalam pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 8(4), E002196–E002196. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2196>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29. https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf
- Kaviza, M. (2020a). Hubungan antara amalan kemahiran 4c dan pencapaian Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 5(12), 405–412. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.652>

- Kaviza, M. (2020b). Pembelajaran berasaskan bahan dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 5(5), 149–156. <https://doi.org/10.47405/Mjssh.V5i5.420>
- Kaviza, M., Rahim, F. A., & Bukhari, N. (2018). Tahap kesediaan guru-guru Sejarah dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber Sejarah: satu tinjauan di negeri Perlis. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 23–31. <https://jpm.um.edu.my/index.php/juku/article/view/12292>
- Khairuddin, N. S., Mailok, R., & Azizan, U. H. (2023). Kesan penggunaan mnemonik visual terhadap pengekalan ingatan jangka panjang bagi mata pelajaran Sejarah: The effect of using visual mnemonics on long-term memory retention for History subject. *Journal of Information and Communication Technology in Education*, 10(1), 56–66. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/download/7449/4407>
- Kiamsin, L. @ L., & Talin, R. (2018). Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 3(2), 137–145. <https://doi.org/10.47405/Mjssh.V3i2.92>
- Lau, Y. Y., Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, & Norasmah Othman. (2020). Kandungan buku teks Sejarah dan hubungannya dengan pengetahuan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 59–67. <http://journalarticle.ukm.my/15976>
- Lee B. N., & Hassan, N. A. (2023). Memupuk kemahiran pemikiran Sejarah dalam pengajaran Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 81–87. <https://doi.org/10.51200/jpp.V11i1.4283>
- Lui, M. Z. M., & Ahmad, A. (2021). Minat murid terhadap gaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 211–221.
- M. Fernando. (2017). *Penubuhan Persekutuan Malaysia Dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*. https://eprints.um.edu.my/17850/1/Dr_Joseph_Fernando.Pdf. Seminar Guru Sejarah : Pemantapan Dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih Dalam Sukatan Sejarah Tingkatan Lima.
- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. (2020). ITRACK dalam PDP Sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83–97. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/download/8469/3681>
- Makhshun, T., & Khalilurrahman, K. (2018). Pengaruh Media Massa dalam Kebijakan Pendidikan. *TA'DIBUNA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 57–68. <http://jurnal.unissula.ac.id/index.php/tadibuna/article/viewFile/3740/2704>
- Mason, M. (2010). Sample size and saturation in PhD studies using qualitative interviews. *Forum qualitative Sozialforschung/Forum: qualitative social research*, 11(3). <https://www.qualitative-research.net/index.php/fqs/article/download/1428/3028/>
- Mohd, J., Lee, O. G., & Kitade, R. (2016). Isu dalam penulisan dan penggunaan buku teks bahasa Jepun kurikulum bersepadu sekolah menengah tingkatan lima: issues in the writing and usage of the Japanese language textbook for form five in secondary schools. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 6, 153–169. <http://ijie.um.edu.my/index.php/JBBJ/article/download/11409/7717>
- Muthar, A., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2020). Elemen kemahiran pemikiran Sejarah di Malaysia dan Indonesia. Analisis Perbandingan Buku Teks. *Malaysia International Convention On Education Research & Management (MICER)*, 128–139.
- Nasir, K., Rahim Kz, & Saifullah Mamat. (2019). Kepercayaan Terawal Manusia Menurut Sunnah: Analisis Terhadap Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu Terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia. *Hadis*, 9(17), 30–47. <https://doi.org/10.53840/Hadis.V9i17.55>

- Nugraha, D. (2021). Perkembangan Sejarah dan isu-isu terkini dalam sastra bandingan. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 4(2), 163–176. <https://doi.org/10.30872/diglosia.v4i2.135>
- Parwati, N. P. Y., & Pramatha, I. N. B. (2021). Strategi guru Sejarah dalam menghadapi tantangan pendidikan Indonesia di era society 5.0. *Widyadari*, 22(1), 143–158. <https://ojs.mahadewa.ac.id/index.php/widyadari/article/view/1114>
- Pramayogi, I., Nirmala P, R. P., & Hartanto, W. (2019). Inovasi pembelajaran Sejarah. *Sindang: Jurnal Pendidikan Sejarah Dan Kajian Sejarah*, 1(2), 17–22. <https://doi.org/10.31540/sdg.v1i2.257>
- Prawitasari, M., Sawitri, R., & Susanto, H. (2022). Nilai-nilai karakter dalam buku teks Sejarah sma kelas xi di sman 7 Banjarmasin. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 22(3), 2287. <https://doi.org/10.33087/jiubj.v22i3.2761>
- Rahmawati, S., & Rahmah, E. N. (2023). Keterampilan mengelola kelas guru Sejarah kebudayaan islam dalam meningkatkan minat belajar siswa. *Attractive : Innovative Education Journal*, 5(1) Attractivejournal.com. <https://attractivejournal.com/index.php/aj/article/view/630>
- Raihanah, S. (2022). Strategi pembelajaran Sejarah abad 21. *Journal of Social Sciences and Technology for Community Service*, 3(1), 43-48. <https://osf.io/ywcv8/download>
- Ramachindran, S., & Awang, M. M. (2023). Penggunaan buku teks dan hubungannya dengan amalan nilai patriotisme dari perspektif murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 761–770. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/22294>
- Ratmelia, Y. (2018). Nilai moral dalam buku teks pelajaran Sejarah (analisis terhadap buku teks sejarah indonesia kelas x). *HISTORIA: Jurnal Pendidik Dan Peneliti Sejarah*, 1(2), 115-122. <http://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=1505349&val=4839&title=Nilai%20Moral%20dalam%20Buku%20Teks%20Pelajaran%20Sejarah>
- Rohza, A., & Montessori, M. (2022). Pemanfaatan media pembelajaran pada mata pelajaran Sejarah di Man 1 Merangin Jambi. *Ranah Research : Journal Of Multidisciplinary Research And Development*, 4(4), 288–293. <https://doi.org/10.38035/rj.v4i4.507>
- Rosita, R., & Supriatna, N. (2020). Meningkatkan keterampilan membaca kritis buku teks dalam belajar Sejarah melalui metode search, solve, create and share (SSCS). *Jurnal Sejarah Dan Pendidikan Sejarah*, 9(2), 175–190. <https://ejournal.upi.edu/index.php/factum/article/viewfile/27155/15000>
- Sagala, S. M., Heriadi, M., Ababiel, R., & Nasution. (2022). Pendidikan Sejarah serta problematika yang dihadapi di masa kini. *Jurnal Pendidikan Dan Konseling (JPDK)*, 4(3), 1918–1925. <https://doi.org/10.31004/jpdk.v4i3.4992>
- Sakti, A.-F. B., & Hotimah, I. H. (2023). Pemanfaatan buku teks Sejarah oleh guru. *Jambura History And Culture Journal*, 5(1), 56–69. <https://doi.org/10.37905/jhcj.v5i2.20483>
- Salleh, M. J., & Agus, A. (2011). An analysis of multi-ethnics students'attitudes in the teaching and learning of history at the selected secondary schools in Sabah, Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 12(2), 240-254. <https://ejournal.upi.edu/index.php/historia/article/download/12104/7233>
- Sedana Putra, I. G. A., & Semara Putra, Db. Kt. N. (2021). Komik pendidikan berorientasi children learning in science pada muatan ipa di sekolah dasar. *Jurnal Pedagogi Dan Pembelajaran*, 4(1), 81. <https://doi.org/10.23887/jp2.v4i1.32434>
- Siregar, Z., & Alwina, S. (2023). Peran pendidikan Sejarah dalam memperkuat pendidikan karakter siswa. *jurnal Sintaksis*, 5(1), 1–8. <https://doi.org/10.55263/sintaksis.v5i1.409>

- Sjahrony, A., Lubis, M. A., & Yusoff, N. M. R. N. (2017). Kepentingan kebolehbacaan buku teks dalam dunia pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 25-40.
- Susanto, H., Fatmawati, S., & Fathurrahman, F. (2022). Analisis pola narasi Sejarah dalam buku teks lintas kurikulum di Indonesia. *Fajar Historia: Jurnal Ilmu Sejarah Dan Pendidikan*, 6(2), 228–243. <https://doi.org/10.29408/Fhs.V6i2.6632>
- Talib, N. S. A., Awang, M. M., Ghani, K. A., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Sejarah. *International Online Journal Of Language, Communication, And Humanities*, 2(2), 86–98. <http://103.101.244.124/Journal/Index.php/Insaniah/Article/View/57>
- Talib, N. S. A., Ghani, K. A., & Yusuff, N. A. (2023). Effectiveness of Historical Learning Activities in Museums: A Case Study [Keberkesanan Aktiviti Pembelajaran Sejarah di Muzium: Satu Kajian Kes]. *Kajian Malaysia*. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/5328/1/THE%20EFFECTIVENESS%20OF%20HISTORICAL%20LEARNING%20ACTIVITIES%20IN%20MUSEUMS%20A%20CASE%20STUDY.pdf>
- Zainal, N. A., Salleh, M. A. M., & Mahmud, W. A. W. (2020). Impak media baharu terhadap patriotisme belia di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1). <https://spaj.ukm.my/Personalia/Index.php/Personalia/Article/View/177>
- Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: pendekatan kualitatif dan kuantitatif. *Journal Of Research, Policy & Practice Of Teachers And Teacher Education*, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.Vol12.1.6.2022>
- Zakaria, N., Salleh, H., Razak, M., Rahman, A., & Harun, A. (2021). Penerapan nilai patriotisme dalam pengajaran Sejarah sekolah rendah: cabaran pelaksanaannya dalam kalangan guru pelatih. *International Journal Of Education And Training (Injet)*, 7(7), 1–8.